

Projek TNB di hutan simpan patuhi EIA - Aminuddin

JEMPOL 15 Mac - Projek Pembinaan Jajaran Talian Penghantaran Elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang melibatkan aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Gunung Tampin, telah melalui kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, kawasan itu sedang melalui fasa pembersihan di sepanjang jajaran talian penghantaran elektrik dan

bukannya merupakan aktiviti pembalakan haram seperti didakwa sesetengah pihak.

"Ia lebih kepada kerja-kerja pembersihan di kawasan ini kerana terdapat pokok-pokok yang perlu ditebang dan dikeluarkan sebagai hasil kepada negeri.

"Dakwaan bahawa projek ini akan mendatangkan kesan buruk kepada alam sekitar termasuk kawasan pelancongan di sekitar Tampin adalah tidak berasas sama sekali kerana ia telah diluluskan melalui laporan kajian EIA.

"Ia juga melalui beberapa siri konsultasi dan penerangan dengan pihak berkepentingan seperti wakil komuniti dan badan bukan kerajaan

serta kerja-kerja pengeluaran ini akan dipantau secara rapi melalui Jawatankuasa Pemantauan Prestasi Alam Sekitar (EPMC)," katanya kepada pemberita selepas majlis Pengundian Perumahan

Mampu Milik Jenis A di Taman Zamrud, Batu Kikir di sini hari ini.

Katanya, sesi penerangan dan pemantauan itu bagi memastikan kerja-kerja pembalakan mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan dan sebarang

isu atau masalah yang timbul pasti akan diambil tindakan segera.

Aminuddin juga berkata, projek itu bertujuan menyambung bekalan elektrik yang dijana oleh stesen Jana kuasa Alor Gajah ke Grid Nasional melalui PMU Bahau South di negeri ini.

"Jajaran asal adalah merentasi tengah Hutan Simpan Gunung Tampin dikhuatiri boleh memberi impak negatif kepada alam sekitar kerana melalui pemotongan bukit dan kawasan tadahan air, maka jajaran tersebut diubah dengan melalui bahagian tepi sempadan hutan," katanya.

- BERNAMA



AMINUDDIN HARUN